



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

LAPORAN HARIAN SELASA, 2 DISEMBER 2025



LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



2/12/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
1	WE2025: FUTURE IN MOTION LEPASI SASARAN DENGAN POTENSI PERDAGANGAN, PELABURAN RM109 JUTA		POSITIF

<https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2497634>

BERNAMA.COM

<https://www.bernama.com/en/region/news.php?id=2497633>

BERNAMA.COM

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
2	JKM PERKUKUH SOKONGAN PSIKOLOGI DI PPS		POSITIF

<https://www.buletintv3.my/nasional/jkm-perkukuh-sokongan-psikologi-di-pps/>

BULETINTV3.MY

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
3	1 DIS 2025 - BP- LPPKN PERKUKUH PROGRAM KEHAMILAN PULAU PINANG CATAT KADAR KESUBURAN TERENDAH		POSITIF

<https://www.youtube.com/watch?v=sLJ1bMcSCdg>

YOUTUBE

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
4	BANJIR DI LIMA NEGERI SEMAKIN PULIH, JUMLAH MANGSA BERKURANGAN SETAKAT MALAM INI		POSITIF

<https://www.astroawani.com/berita-malaysia/banjir-di-lima-negeri-semakin-pulih-jumlah-mangsa-berkurangan-setakat-malam-ini-550002>

ASTROAWANI.COM

<https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2497735>

BERNAMA.COM

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



2/12/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
5	BANJIR: SEMUA PPS DI NEGERI SEMBILAN TUTUP, NEGERI LAIN MAKIN PULIH		POSITIF
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/12/1294807/banjir-semua-pps-di-negeri-sembilan-tutup-negeri-lain-makin-pulih	HMETRO.COM.MY	
	https://bernama.com/bm/am/news.php?id=2497586	BERNAMA.COM	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
6	JUMLAH MANGSA BANJIR DI TUJUH NEGERI TERUS BERKURANGAN		POSITIF
	https://www.sinarharian.com.my/article/758821/berita/semasa/jumlah-mangsa-banjir-di-tujuh-negeri-terus-berkurangan	SINARHARIAN.COM.MY	
	https://www.bernama.com/en/general/news.php?id=2497737	BERNAMA.COM	
	https://thesun.my/berita/tempatan/mangsa-banjir-berkurangan-di-tujuh-negeri-pahang-catat-peningkatan/	THESUN.MY	
	https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2497346	BERNAMA.COM	
	https://suaramerdeka.com.my/banjir-di-semenanjung-kian-pulih-jumlah-mangsa-di-pps-turun-mendadak/	SUARAMERDEKA.COM	
	https://www.youtube.com/watch?v=FlxZzAuHGhw	YOUTUBE	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
7	NADMA SIAP SIAGA HADAPI GELOMBANG KEDUA BANJIR, KOORDINASI BANTUAN SEGERA		POSITIF
	https://bernama.com/bm/am/news.php?id=2497448	BERNAMA.COM	
	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2025/12/1479259/nadma-tingkat-persediaan-hadapi-gelombang-kedua-banjir	BHARIAN.COM.MY	
	https://thesun.my/berita/tempatan/nadma-siap-siaga-hadapi-gelombang-kedua-banjir-koordinasi-bantuan-dipertingkat/	THESUN.MY	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



2/12/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
	https://www.thestar.com.my/news/nation/2025/12/01/floods-nadma-on-alert-for-second-wave-set-for-rapid-aid-distribution	THESTAR.COM.MY	
	https://www.malaymail.com/news/malaysia/2025/12/01/nadma-on-alert-for-possible-second-wave-of-floods-dpm-zahid-orders-faster-aid-distribution/200371	MALAYMAIL.COM	
	https://thesun.my/news/malaysia-news/people-issues/nadma-on-alert-for-second-wave-of-floods-immediate-aid-coordinated/	THESUN.MY	
	https://onetiger.com/nadma-perkukuh-tindakan-segera-hadapi-risiko-banjir-gelombang-kedua/	ONETIGER.COM	
	https://mediaselangor.com/ms/2025/12/333198/nadma-siap-siaga-hadapi-gelombang-kedua-banjir-koordinasi-bantuan-segera	MEDIASELANGOR.COM	
	https://www.suarakeadilan.my/post/nadma-giat-hantar-bantuan-tambahan-ke-negeri-terjejas-banjir	SUARAKEADILAN.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
8	BANJIR: 14,040 MANGSA DI LAPAN NEGERI, PERAK PALING TERJEJAS		NEUTRAL
	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2025/12/1479062/banjir-14040-mangsa-di-lapan-negeri-perak-paling-terjejas	BHARIAN.COM.MY	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/12/1294513/14040-mangsa-di-lapan-negeri-setakat-7-pagi	HMETRO.COM.MY	
	https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2025/12/01/jumlah-mangsa-banjir-8-negeri-turun-kepada-14040	FREEMALAYSIATODAY.COM	
	https://www.thevibes.com/articles/news/116328/over-14000-flood-evacuees-remain-in-relief-centres-across-eight-states	THEVIBES.COM	
	https://malaysiatribune.news/berita-semasa/banjir-lebih-14000-masih-berada-di-pps-lapan-negeri/	MALAYSIATRIBUNE.NEWS	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



2/12/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
9	RUU ANTIBULI 2025 DIBENTANG, MEKANISME TANGANI BULI DIPERKUKUH		POSITIF
	https://bernama.com/bm/am/news.php?id=2497525	BERNAMA.COM	
	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2025/12/1479157/ruu-antibuli-2025-dibentang-di-dewan-rakyat-hari-ini	BHARIAN.COM.MY	
	https://www.buletintv3.my/nasional/tribunal-antibuli-boleh-keluar-perintah-pembuli-bayar-pampasan-sehingga-rm250000/	BULETINTV3.MY	
	https://thesun.my/berita/tempatan/ruu-antibuli-2025-dibentang-tribunal-khas-akan-ditubuhkan/	THESUN.MY	
	https://thesun.my/news/malaysia-news/anti-bully-bill-tabled-in-parliament-with-new-tribunal/	THESUN.MY	
	https://www.thestar.com.my/news/nation/2025/12/01/anti-bullying-bill-tabled-for-first-reading-in-dewan-rakyat	THESTAR.COM.MY	
	https://harapandaily.com/2025/12/01/ruu-antibuli-dibentang-hari-ini/	HARAPANDAILY.COM	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
10	ZARA QAIRINA ADA MENGADU MENGENAI GANGGUAN SEKSUAL SEAWAL SEBULAN BERSEKOLAH - GURU DISIPLIN		NEGATIF
	https://www.bharian.com.my/berita/kes/2025/12/1479301/zara-qairina-ada-mengadu-mengenai-gangguan-seksual-seawal-sebulan	BHARIAN.COM.MY	
	https://thesun.my/berita/tempatan/guru-disiplin-dedah-zara-qairina-adu-gangguan-seksual-sebulan-bersekolah/	THESUN.MY	
	https://thesun.my/news/malaysia-news/courts/zara-qairina-reported-sexual-harassment-a-month-after-enrolling/	THESUN.MY	
	https://www.malaymail.com/news/malaysia/2025/12/01/witness-tells-inquest-zara-qairina-had-lodged-sexual-harassment-complaint-at-school/200408	MALAYMAIL.COM	
	https://www.malaysiakini.com/news/762287	MALAYSIAKINI.COM	
	https://www.thestar.com.my/news/nation/2025/12/01/zara-qairina-complained-of-sexual-harassment-about-a-month-after-enrolling-inquest-told	THESTAR.COM.MY	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



2/12/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
	https://www.bernama.com/en/crime_courts/news.php?id=2497546	BERNAMA.COM	
	https://bernama.com/bm/jenayah_mahkamah/news.php?id=2497540	BERNAMA.COM	
	https://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2025/12/01/zara-complained-of-sexual-harassment-at-school-dorm-says-witness	FREEMALAYSIATODAY.COM	
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/inkues-zara-qairina-mangsa-adu-gangguan-seksual-seawal-sebulan-bersekolah-guru-disiplin-549954	ASTROAWANI.COM	
	https://www.sinardaily.my/article/732127/focus/national/zara-qairina-reported-sexual-harassment-a-month-after-enrolling	SINARDAILY.MY	
	https://lobakmerah.com/guru-disiplin-dedah-zara-qairina-pernah-buat-aduan-gangguan-seksual/	LOBAKMERAH.COM	
	https://majoriti.com.my/berita/2025/12/01/zara-qairina-mengadu-gangguan-seksual-sebulan-selepas-bersekolah---guru-disiplin	MAJORITI.COM.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
11	LELAKI DIDAKWA CABUL GADIS DI PPS DISAMBUNG REMAN		NEGATIF
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/12/1294656/lelaki-cabul-remaja-perempuan-di-pps-disambung-reman-3-hari-lagi	HMETRO.COM.MY	
	https://www.sinarharian.com.my/article/758834/edisi/kelantan/lelaki-disyaki-cabul-remaja-perempuan-di-pps-disambung-reman	SINARHARIAN.COM.MY	
	https://www.utusan.com.my/nasional/2025/12/lelaki-didakwa-cabul-gadis-di-pps-disambung-reman/	UTUSAN.COM.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
12	GURU MENGAKU TIDAK BERSALAH AMANG SEKSUAL FIZIKAL MURID LELAKI DI MUAR		NEGATIF
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/12/1294704/guru-mengaku-tidak-bersalah-amang-seksual-fizikal-murid-lelaki-di-muar	HMETRO.COM.MY	
	https://www.bharian.com.my/berita/kes/2025/12/1479242/guru-matematik-mengaku-tak-salah-sentuh-kemaluan-murid-lelaki-di-sekolah	BHARIAN.COM.MY	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



WE2025: Future In Motion Lepasi Sasaran Dengan Potensi Perdagangan, Pelaburan RM109 Juta

🕒 01/12/2025 06:41 PM



Kredit Foto: WE2025

KUALA LUMPUR, 1 Dis (Bernama) -- Sidang kemuncak kepimpinan dan pemerikasaan ekonomi berfokuskan wanita terulung di Malaysia, WE2025 Future in Motion yang diadakan dari 25 hingga 27 November mencatatkan potensi perdagangan dan pelaburan sebanyak RM109 juta, melepasi sasaran awal RM100 juta.

Dalam satu kenyataan hari ini, Qube Integrated Malaysia Sdn Bhd, yang turut menganjurkan WE2025 bersama Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat berkata angka itu tidak termasuk potensi jualan tambahan dan petunjuk perdagangan daripada WE2025 Trade Expo dan acara satelit, yang menyaksikan penyertaan yang kukuh sepanjang sidang kemuncak itu berlangsung.

Qube Integrated berkata lebih 200 libat urus perniagaan telah diadakan merentas pelbagai sektor, termasuk teknologi maklumat dan komunikasi digital, teknologi hijau, tenaga boleh baharu, makanan dan minuman, kesihatan dan kesejahteraan, serta perkhidmatan profesional.

Ia berkata syarikat-syarikat yang mengambil bahagian termasuklah dari Malaysia, Comoros, Senegal, China, Singapura, Filipina, Emiriah Arab Bersatu, Indonesia dan Kanada.

Pengerusi Eksekutif Qube Integrated dan Pengerusi Penganjur Bersama Richard Teo berkata syarikat itu berasa terharu dengan sambutan luar biasa yang diterima oleh WE2025 sepanjang tiga hari penganjurannya.

"Pengumuman yang dibuat dan peluang perniagaan yang terjalin telah meletakkan asas penting kepada usaha mengukuhkan peranan wanita dalam perdagangan, inovasi dan kepimpinan.

"Kesemua ini turut dimantapkan lagi melalui pandangan bernas yang dikongsi dalam acara satelit pada hari terakhir," katanya.

Syarikat itu menambah pada hari ketiga WE2025, ia menampilkan beberapa acara satelit yang dinamik menekankan inovasi, kepimpinan, keusahawanan dan kerjasama serantau.

Antaranya termasuklah AI MasterClass: Mengintegrasikan AI, Kecerdasan Emosi (EQ) & Kepimpinan Wanita Antarabangsa serta Wanita Memimpin Platform Perubahan: Daripada Penjagaan Kesihatan kepada Pertumbuhan Global.

Tumpuan lain termasuk Inisiatif Jalur dan Laluan (BRI): Peluang untuk Perusahaan Kecil dan Sederhana Malaysia; Sign of Flavour: Mencicip Kopi dan Pengalaman Bahasa Isyarat; dan Mesyuarat Lembaga Pengarah Konfederasi Wanita ASEAN Pertama untuk 2025.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



JKM perkukuh sokongan psikologi di PPS

01 Disember 2025, 5:18pm



Oleh: Kumaran Rajamoney

BAGAN DATUK: Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) terus memperkukuh pendekatan sokongan psikologi di semua Pusat Pemindahan Sementara (PPS), selaras dengan keperluan emosi mangsa banjir yang terpaksa menetap dalam tempoh lama setiap kali bencana melanda.

Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat, Datuk Che Murad Sayang Ramjan berkata, tempoh penempatan mencecah lebih sembilan hari seperti yang dilaporkan di beberapa PPS ketika ini boleh menimbulkan tekanan emosi, khususnya kepada keluarga dan kanak-kanak.

Justeru, pasukan intervensi psikologi JKM memainkan peranan penting dalam memastikan kestabilan mental mangsa.

"JKM kini menggerakkan Perkhidmatan Intervensi Krisis dan Sokongan Psikologi (IKSP) secara menyeluruh, melibatkan 868 anggota Psychological Support Team (PST) dan 447 sukarelawan Sahabat PST (sPST) di seluruh negara bagi membantu mangsa mengurus kesan trauma serta tekanan sepanjang berada di PPS.



"Pegawai psikologi dan sukarelawan terlatih sentiasa menjalankan pelbagai sesi intervensi termasuk Psychological First Aid (PFA), Psychological Debriefing (PD), sesi kaunseling, penaksiran psikologi menggunakan instrumen seperti DASS-21, IES-R dan PHQ-9, selain psikoterapi dan psikopendidikan," katanya.

Aktiviti rekreasi dan pendidikan turut dianjurkan untuk kanak-kanak bagi mengurangkan kebosanan dan mengalihkan perhatian daripada tekanan bencana yang dialami.

"Apabila tempoh penempatan menjadi panjang, emosi mangsa boleh terganggu. Sebab itu JKM menyediakan pasukan intervensi yang mendekati mangsa, berbual, menilai stres dan memberi sokongan emosi yang diperlukan.



"Aktiviti seperti lukisan dan sesi bercerita membantu kanak-kanak kembali tenang," ujarnya.

Beliau turut menjelaskan bahawa keadaan mangsa banjir baharu, khususnya mereka yang pertama kali berhadapan bencana, memerlukan perhatian berbeza kerana kebimbangan mereka lebih ketara.

Dalam masa sama, keupayaan petugas JKM turut diperkukuh melalui penugasan bergilir antara pegawai daerah yang tidak terkesan banjir, selain sokongan sukarelawan berdaftar bagi memastikan operasi bantuan tidak terjejas walaupun menghadapi situasi banjir berpanjangan.

Berdasarkan rekod JKM, seramai 161,811 mangsa kategori kanak-kanak, dewasa, warga emas dan orang kurang upaya menerima perkhidmatan IKSP antara tahun 2022 hingga September 2025, termasuk mangsa dalam operasi penyelamatan berskala besar seperti Ops Global 2024.

JKM turut mematuhi Garis Panduan Pengendalian IKSP dalam Pengurusan Bencana di PPS, sekali gus memastikan intervensi psikologi yang dijalankan mematuhi kaedah profesional dan piawaian konsisten di seluruh negara.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Banjir di lima negeri semakin pulih, jumlah mangsa berkurangan setakat malam ini



Bernama
01/12/2025 | 23:00 MYT



Di Perak, jumlah mangsa banjir sedikit menurun kepada 3,684 orang daripada 1,090 keluarga yang berlindung di 21 PPS di lima daerah terjejas berbanding 3,837 orang daripada 1,156 keluarga, petang tadi. - Gambar fail/Bernama

KUALA LUMPUR: Situasi banjir di Terengganu, Selangor, Kelantan, Perak dan Pahang menunjukkan perkembangan positif dengan penurunan jumlah mangsa yang ditempatkan di pusat pemindahan sementara (PPS) setakat 9 malam ini.

Di Terengganu, jumlah mangsa banjir berkurangan kepada 287 orang daripada 102 keluarga berbanding 511 orang daripada 178 keluarga, petang tadi.

Sekretariat Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri (JPBN) Terengganu memaklumkan 245 mangsa daripada 92 keluarga masih berlindung dua PPS iaitu Sekolah Kebangsaan (SK) Atas Tol dan SK Rengas Bekah, manakala 42 mangsa daripada 10 keluarga ditempatkan di SK Paya Resak, Marang.

Di Selangor, turut merekodkan penurunan kepada 1,918 orang daripada 543 keluarga berbanding 2,224 orang daripada 613 keluarga, petang tadi.

Menurut laman web Infobencana Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), jumlah PPS yang masih beroperasi turut berkurangan kepada 27 berbanding 29 sebelum ini di empat daerah iaitu Kuala Selangor, Sepang, Kuala Langat dan Sabak Bernam.

Jumlah mangsa banjir di Kelantan turut berkurangan kepada 203 orang daripada 82 keluarga malam ini berbanding 353 orang daripada 129 keluarga petang tadi, dengan kesemua mereka berlindung di PPS Pasir Mas.

Di Perak, jumlah mangsa banjir sedikit menurun kepada 3,684 orang daripada 1,090 keluarga yang berlindung di 21 PPS di lima daerah terjejas berbanding 3,837 orang daripada 1,156 keluarga, petang tadi.

Menurut Sekretariat JPBN Perak, daerah Hilir Perak masih mencatatkan jumlah mangsa tertinggi iaitu 1,786 orang manakala daerah Bagan Datuk (903), Manjung (506), Perak Tengah (464) serta Larut, Matang dan Selama (25).

Di Pahang, jumlah mangsa banjir berkurangan kepada 200 orang daripada 52 keluarga berbanding 289 orang daripada 79 keluarga pada petang tadi.

Infobencana JKM memaklumkan 126 mangsa daripada 34 keluarga ditempatkan di empat PPS di Bera, manakala 42 mangsa daripada 11 keluarga berada di empat PPS di Temerloh, 25 mangsa daripada enam keluarga di sebuah PPS di Maran dan tujuh mangsa daripada satu keluarga di sebuah PPS di Kuantan.

Sementara itu, di Perlis, jumlah mangsa meningkat kepada 1,503 orang malam ini berbanding 1,387 orang petang tadi dan ditempatkan di lapan PPS di Padang Besar, Kangar dan Arau, manakala di KEDAH, jumlah mangsa tidak berubah malam ini dengan 219 orang daripada 64 keluarga masih berlindung di dua PPS di daerah Kubang Pasu.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Banjir: Semua PPS di Negeri Sembilan tutup, negeri lain makin pulih

BERNAMA



Suasana cuaca di bandar Kota Bharu kembali cerah semalam selepas dilanda hujan berterusan minggu lalu. FOTO NIK ABDULLAH NIK OMAR

Kuala Lumpur: Banjir di Negeri Sembilan pulih sepenuhnya hari ini, manakala situasi di tujuh negeri yang masih terjejas iaitu Perak, Selangor, Perlis, Kelantan, Terengganu, Pahang dan Kedah terus menunjukkan perkembangan positif setakat 4 petang

Di **NEGERI SEMBILAN**, Pengarah Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) negeri Lt Kol (PA) Mohd Nazri Mes Kam memaklumkan semua pusat pemindahan sementara (PPS) ditutup sepenuhnya bermula 10 pagi tadi, selepas semua mangsa banjir kembali ke kediaman masing-masing.

Di **PERAK**, jumlah mangsa terus berkurangan petang ini kepada 3,837 orang daripada 1,156 keluarga yang masih berlindung di 21 PPS di lima daerah terjejas, berbanding 4,766 orang daripada 1,447 keluarga pagi tadi.

Di **SELANGOR** situasi turut menunjukkan perkembangan positif dengan jumlah mangsa yang masih berlindung di PPS menurun kepada 2,224 orang daripada 613 keluarga setakat petang ini, berbanding 2,707 orang daripada 752 keluarga pagi tadi.

Menurut Laman web infobencana Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) sebuah PPS di negeri itu telah ditutup, menjadikan 29 PPS yang masih beroperasi di empat daerah iaitu Kuala Selangor, Sepang, Kuala Langat dan Sabak Bernam.

Jumlah mangsa banjir di **PERLIS** juga terus menurun kepada 1,387 orang petang ini berbanding 2,523 mangsa pagi tadi.

Berdasarkan data Sekretariat Pengurusan Bencana Negeri Perlis, dua PPS ditutup hari ini, manakala 10 lagi masih beroperasi di kawasan Padang Besar, Kangar dan Arau.

Di **TERENGGANU**, jumlah mangsa di Kuala Terengganu, Kuala Nerus dan Setiu turun secara mendadak kepada 511 orang daripada 178 keluarga, berbanding 1,752 orang daripada 552 keluarga pagi tadi.

Berdasarkan laman web InfoBencana Jabatan Kemajuan Masyarakat (JKM), semua PPS di daerah Dungun, Kemaman, Marang dan Hulu Terengganu ditutup setelah semua mangsa dibenarkan pulang ke rumah masing-masing.

Sementara itu, di **KELANTAN**, seramai 353 mangsa daripada 129 keluarga masih berlindung di PPS Pasir Mas petang ini berbanding 894 mangsa pagi tadi.

Setakat ini, dua kematian direkodkan akibat banjir di Kelantan, termasuk seorang bukan warganegara.

Di **PAHANG**, jumlah mangsa banjir menurun kepada 289 orang daripada 79 keluarga petang ini, berbanding 610 orang daripada 206 keluarga pagi tadi.

Bagaimanapun, Infopublic banjir memaklumkan bacaan paras air Sungai Pahang melebihi tahap bahaya di beberapa lokasi iaitu di Jambatan Keretapi, Bera (34.97 m), Waterfront, Bera (28.51 m) dan Lubuk Paku, Pekan (19.23 m).

Di **KEDAH**, jumlah mangsa banjir sedikit berkurangan kepada 219 orang daripada 64 keluarga setakat 4 petang ini, berbanding 264 orang daripada 83 keluarga pagi tadi.

Menurut Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri (JPBN) Kedah, semua mangsa dari daerah Kubang Pasu berlindung di dua PPS.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Jumlah mangsa banjir di tujuh negeri terus berkurangan

01 Disember 2025 09:27am



Jumlah mangsa di lapan negeri dilanda banjir di Semenanjung terus mencatatkan penurunan kecuali Pahang yang merekodkan sedikit peningkatan setakat jam 8 pagi ini. Gambar fail

KUALA LUMPUR - Jumlah mangsa di lapan negeri dilanda banjir di Semenanjung terus mencatatkan penurunan kecuali Pahang yang merekodkan sedikit peningkatan setakat jam 8 pagi ini.

Di PAHANG, jumlah mangsa meningkat kepada 610 orang daripada 206 keluarga berbanding 585 orang daripada 202 keluarga malam tadi dengan Temerloh merekodkan bilangan teramai iaitu 223 orang daripada 77 keluarga yang ditempatkan di empat pusat pemindahan sementara (PPS).

Daerah lain yang terjejas ialah Lipis, Bera, Jerantut dan Kuantan.

Menurut Infopublic banjir, tiga sungai utama di negeri itu mencatatkan bacaan melebihi paras bahaya iaitu Sungai Pahang di Jambatan Kereta api (35.12 meter), Sungai Pahang di Waterfront (28.76 meter) dan Sungai Pahang di Lubuk Paku (19.12 meter).

Tujuh negeri lain terus mencatatkan penurunan termasuk TERENGGANU dengan jumlah mangsa berkurangan kepada 1,752 orang daripada 552 keluarga berbanding 2,018 orang daripada 650 keluarga malam tadi.

Berdasarkan InfoBencana Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), 50 PPS masih dibuka di Kuala Terengganu, Kuala Nerus, Setiu, Marang, Dungun, Hulu Terengganu dan Kemaman.

Di SELANGOR, seramai 2,707 individu daripada 752 keluarga masih berada di 30 PPS di Kuala Selangor, Sepang, Kuala Langat dan Sabak Bernama, berbanding 2,789 individu daripada 777 keluarga malam tadi.

Di NEGERI SEMBILAN, InfoBencana JKMM memaklumkan jumlah mangsa yang ditempatkan di dua PPS di Port Dickson merosot kepada 79 individu membabitkan 44 keluarga berbanding 89 orang daripada 49 keluarga malam tadi.

Situasi banjir di PERAK pula terus menunjukkan tanda pulih apabila jumlah mangsa terus berkurangan kepada 4,766 orang daripada 1,447 keluarga yang masih berlindung di 30 PPS di lima daerah berbanding 4,840 orang daripada 1,486 keluarga malam tadi.

Sementara itu, mangsa banjir di KEDAH terus mencatatkan penurunan kepada 264 orang daripada 83 keluarga berbanding 342 orang daripada 104 keluarga malam tadi dengan kesemua mangsa masih berlindung di dua PPS iaitu Sekolah Kebangsaan (SK) Padang Pekan dan SK Tunjang.

Di PERLIS, jumlah mangsa banjir yang ditempatkan di 12 PPS membabitkan Padang Besar, Kangar dan Arau terus berkurangan daripada 3,009 orang malam tadi kepada 2,523 mangsa pagi ini.

Sementara itu, KELANTAN pula menyaksikan Pasir Mas kekal sebagai satu-satunya jajahan terjejas banjir membabitkan 894 mangsa daripada 305 keluarga yang berlindung di empat PPS.

Dari segi paras air sungai utama, sebahagian besar berada pada tahap normal atau menunjukkan penurunan kecuali Sungai Pergau di Kampung Lawar, Jeli (99.93 meter), yang direkodkan berada pada paras bahaya. - Bernama

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



NADMA Siap Siaga Hadapi Gelombang Kedua Banjir, Koordinasi Bantuan Segera

01/12/2025 02:40 PM



Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi, beramah mesra bersama mangsa banjir ketika mengadakan lawatan ke Pusat Pemindahan Sementara (PPS) di Kompleks Umno Bagan Datuk Sungai Sunun hari ini.

BAGAN DATUK, 1 Dis (Bernama) -- Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) berada dalam keadaan siap siaga menghadapi kemungkinan gelombang kedua banjir, selain memastikan koordinasi bantuan wang ihsan dan keperluan mangsa dilaksanakan segera.

Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi, berkata kesiapsiagaan itu dipertingkatkan susulan fenomena cuaca luar biasa termasuk kejadian ribut tropika senyar dari Selat Melaka, yang jarang berlaku dan menyebabkan kawasan yang sebelum ini tidak terjejas turut dilanda banjir.

Ahmad Zahid, yang juga Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negara, berkata bantuan tambahan sentiasa tersedia dan telah dikoordinasi supaya pembayaran bantuan wang ihsan dilakukan segera.

"Mengikut peraturan, bantuan wang ihsan diberikan tiga hari selepas PPS (pusat pemindahan sementara) ditutup. Arahan saya, ketika mereka masih berada di PPS pun bantuan boleh disalurkan kerana mereka memerlukan wang segera untuk membeli peralatan baru di rumah yang rosak.

"Walaupun jumlah itu tidak mencukupi, keperihatinan kerajaan adalah membantu; ini bukan pampasan kerana bencana adalah ketentuan Allah SWT dan kita harus menerimanya," katanya kepada pemberita selepas menghadiri taklimat ringkas mengenai bencana banjir di Bagan Datuk hari ini.

Ahmad Zahid, yang juga Ahli Parlimen Bagan Datuk berkata kesiapsiagaan menghadapi gelombang kedua dan ketiga banjir telah diatur.

"Kebetulan, NADMA telah mengadakan Bulan Kesiapsiagaan di Jerantut, Pahang bulan lalu dan koordinasi telah dilakukan di peringkat negara, negeri, dan daerah. Tahun ini, koordinasi dijalankan dengan lebih baik, Insya-Allah," katanya.

Berkenaan lawatannya ke beberapa PPS di Bagan Datuk hari ini, beliau memaklumkan berlakunya paip besar pecah, menyebabkan air tidak dapat disalurkan sepenuhnya ke kawasan PPS.

Ahmad Zahid berkata beliau telah meminta Lembaga Air Perak (LAP) menyediakan tangki air tambahan dan memam air ke tangki besar PPS supaya penghuni dapat menggunakannya sepenuhnya.

Beliau turut merakamkan terima kasih kepada semua pihak yang membantu menyelesaikan masalah banjir di seluruh negara, termasuk di Bagan Datuk.

Terdahulu, Ahmad Zahid meninjau PPS di Dewan UMNO, menghadiri taklimat, dan seterusnya melawat PPS Dewan Pejabat Daerah dan Tanah Bagan Datuk, kawasan kediamannya di Kampung Sungai Nipah Darat, serta PPS Dewan Kementerian Belia dan Sukan (KBS) Bagan Datuk.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Banjir: 14,040 mangsa di lapen negeri, Perak paling terjejas



Hafiz Aziz - Disember 1, 2025 @ 8:09am



TELUK INTAN, 28 Nov --

KUALA LUMPUR: Seramai 14,040 mangsa banjir daripada 4,518 keluarga dilaporkan masih berlindung di pusat pemindahan sementara (PPS) di lapen negeri, setakat jam 7 pagi ini.

Menurut portal InfoBencana Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), sebanyak 171 pusat pemindahan sementara (PPS) dibuka di negeri-negeri berkenaan.

Menerusi rekod itu, JKM menyatakan Perak mencatat jumlah mangsa banjir tertinggi seramai 4,626 mangsa membabitkan 1,412 keluarga dan 30 PPS dibuka.

Ia diikuti Perlis dengan mangsa (3,050), keluarga (1,148) dan PPS (22) manakala di Selangor, mangsa (2,711), keluarga (753) dan PPS (30).

Terengganu mangsa (1,774), keluarga (555) dan PPS (50). Kelantan mangsa (898), keluarga (307) dan PPS (5). Pahang mangsa (601), keluarga (208) dan PPS (18).

Kedah mangsa (303), keluarga (90) dan PPS (14). Negeri Sembilan mangsa (77), keluarga (45) dan PPS (2).

Menurut JKM, seramai 2,101 mangsa banjir adalah warga emas dan 4,745 pula ialah kanak-kanak termasuk 375 bayi. Mangsa Orang Kurang Upaya (OKU) yang terbabit pula seramai 499 orang.

Keadaan cuaca yang bertambah baik di kebanyakan negeri semalam membuatkan banjir semakin surut dengan jumlah mangsa yang ditempatkan di PPS di lapen negeri turun ketara berbanding berbanding 18,731 orang petang semalam.

Sementara itu, rekod daripada Public InfoBanjir pula menunjukkan beberapa sungai dan empangan tidak menunjukkan trend perubahan dengan ada antaranya dikesan berada pada trend menaik, dan paras air masih melepasi tahap bahaya, setakat jam 7 pagi ini.

Ia membabitkan Empangan Timah Tasoh (Perlis), Sungai Slim di Slim River dan Sungai Bidor di Changkat Jong (Perak), Pintu Air Ijok (Selangor), Cheng U/S dan Sungai Siput di Kampung Sungai Siput (Melaka), Sungai Paka di Kampung Luit (Terengganu), Sungai Golok di Rantau Panjang (Kelantan).

Aras air di enam negeri iaitu Perlis, Perak, Selangor, Melaka, Pahang dan Terengganu pula berada di tahap bahaya manakala Johor, Kelantan serta Sarawak di paras amaran.



Penduduk berjalan meredah banjir selepas kediaman mereka ditenggelami banjir di Kampung Sena Rendang, Kuala Terengganu ketika tinjauan kelmarin. - Foto NSTP/Ghazali Kori

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



RUU Antibuli 2025 Dibentang, Mekanisme Tangani Buli Diperkukuh

01/12/2025 04:47 PM



Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang dan Reformasi Institusi) Datuk Seri Azalina Othman Said -- Foto:BERNAMA (2025) Hak cipta TERSEKUTU

KUALA LUMPUR, 1 Dis (Bernama) -- Rang Undang-Undang (RUU) Antibuli 2025, yang bertujuan mewujudkan mekanisme khusus bagi menangani aduan buli, dibentangkan untuk bacaan kali pertama di Dewan Rakyat hari ini.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang dan Reformasi Institusi) Datuk Seri Azalina Othman Said ketika membentangkan RUU itu memaklumkan bacaan kali kedua dijadualkan pada Rabu ini.

RUU yang mengandungi 54 fasal itu bertujuan mencegah dan menguruskan kes buli di institusi pendidikan serta institusi lain, selain menyediakan peruntukan bagi penubuhan Tribunal Antibuli bagi meningkatkan kesedaran dan pencegahan terhadap gejala tersebut.

Fasal 29 menetapkan bidang kuasa tribunal untuk mendengar sebarang aduan buli yang dibuat oleh ibu, bapa atau penjaga mangsa mengikut keadaan yang diperuntukkan di bawah akta yang dicadangkan.

Fasal 30 pula menyediakan pengecualian bidang kuasa mahkamah sekiranya aduan buli dibuat kepada tribunal oleh mana-mana pengadu.

Menerusi Subfasal 31(4), sebarang prosiding yang melibatkan kanak-kanak hendaklah dijalankan oleh Tribunal secara tidak formal dan mesra kanak-kanak, selaras dengan umur, tahap kematangan serta keadaan kanak-kanak tersebut.

Tribunal juga diwajibkan memberi keutamaan untuk menyelesaikan aduan buli melalui proses pengantaraan bagi mencapai penyelesaian yang dipersetujui oleh pihak-pihak terbabit, dengan syarat kedua-dua pihak memberikan keizinan termaklum dan tribunal menilai pengantaraan itu wajar dalam semua keadaan.

"Jika pihak-pihak mencapai suatu penyelesaian dalam sesi pengantaraan, tribunal hendaklah meluluskan dan merekodkan penyelesaian tersebut, yang kemudiannya berkuat kuasa seolah-olah ia merupakan award tribunal," menurut RUU itu.

Dalam membuat award di bawah Seksyen 42, tribunal boleh mengeluarkan satu atau lebih perintah, termasuk jika responden ialah seorang dewasa, perintah supaya responden menyiarkan kenyataan permohonan maaf kepada mangsa mengikut cara yang ditetapkan dalam perintah tersebut.

Selain itu, tribunal boleh mengarahkan responden untuk menghapuskan sebarang kandungan berkaitan buli daripada mana-mana platform media sosial, peranti elektronik atau medium penyimpanan digital.

Turut tersenarai ialah perintah bagi responden, atau bagi responden kanak-kanak, ibu, bapa atau penjaga, untuk membayar pampasan atau ganti rugi tidak melebihi RM250,000 bagi sebarang kerugian atau kerosakan yang dialami mangsa akibat buli.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Zara Qairina ada mengadu mengenai gangguan seksual seawal sebulan bersekolah - Guru disiplin

Oleh BERNAMA - Disember 1, 2025 @ 4:21pm



Zara Qairina disahkan meninggal dunia di Hospital Queen Elizabeth di sini pada 17 Julai selepas ditemukan tidak sedarkan diri di dalam longkang berhampiran asrama sekolahnya pada 4 pagi 16 Julai.

KOTA KINABALU: Mahkamah Koroner di sini hari ini diberitahu bahawa Zara Qairina Mahathir pernah membuat aduan berkaitan gangguan seksual yang didakwa berlaku ketika pelajar Tingkatan Satu itu tidur di bilik asrama Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) Tun Datu Mustapha di Papar.

Penolong Ketua Guru Disiplin, Nurul Syahadah Ibrahim, 38, berkata unit disiplin menerima aduan itu pada 14 Mac iaitu sebulan selepas pelajar tersebut mendaftar di sekolah berkenaan.

"Ya, Zara Qairina pernah membuat aduan mengenai gangguan seksual yang didakwa dilakukan oleh seorang pelajar Tingkatan Dua ketika dia sedang tidur... Zara Qairina mendakwa pelajar itu menghidu bahagian sulitnya... bagaimanapun, hasil siasatan mendapati pelajar itu hanya menghidu selimut yang dipakai Zara Qairina sebelum membawanya untuk dicuci.

"Selepas mengambil keterangan bertulis serta menemubual setiap pelajar terlibat, unit disiplin mendapati insiden itu berpunca daripada salah faham, dan pelajar berkenaan tidak berniat (begitu), selain (hanya) bergurau... saya sendiri meminta pelajar itu membuat demonstrasi bagaimana dia menghidu selimut tersebut," katanya.

Saksi ke-54 itu berkata demikian ketika disoal peguam Datuk Ram Singh, yang mewakili seorang daripada lima remaja iaitu tertuduh dalam kes buli membabitkan arwah, pada prosiding inkues di hadapan Koroner Amir Shah Amir Hassan.

Ketika ditanya Ram Singh sama ada beliau mempercayai demonstrasi yang dibuat oleh pelajar Tingkatan Dua berkenaan, Nurul Syahadah menjawab: "Ya, benar."

Ditanya sama ada beliau tidak mempercayai aduan Zara Qairina, saksi itu berkata unit disiplin memerlukan keterangan tambahan kerana ketika kejadian, pelajar Tingkatan Satu berkenaan didakwa sedang tidur.

"Kami memerlukan keterangan rakan sebilikinya, iaitu pelajar A dan pelajar Tingkatan Dua itu. Ketika itu, pelajar A sedang melipat baju," katanya.

Berhubung dakwaan bahawa seorang senior dikenali sebagai "Kak M" pernah mengeluarkan kata-kata "kalau aku touch-touch kau ini, berdarah kau ni", saksi berkata pelajar itu bukan seorang gengster.

Sebaliknya, beliau berkata insiden itu berlaku selepas Zara Qairina dan pelajar A didakwa melakukan "kecam badan" terhadap adik Kak M dengan memanggilnya "chipsmore" kerana remaja tersebut mempunyai tahi lalat di bahagian mulut.

Zara Qairina disahkan meninggal dunia di Hospital Queen Elizabeth di sini pada 17 Julai selepas ditemukan tidak sedarkan diri di dalam longkang berhampiran asrama sekolahnya pada 4 pagi 16 Julai.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



**MALAYSIA
MADANI**

Lelaki didakwa cabul gadis di PPS disambung reman



LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Lelaki cabul remaja perempuan di PPS disambung reman 3 hari lagi

Nor Fazlina Abdul Rahim
nfazlina@nstp.com.my



GAMBAR hiasan

Bachok: Lelaki yang ditahan selepas dipercayai mencabul remaja perempuan di sebuah pusat pemindahan sementara (PPS) di Bachok, Rabu lalu disambung reman tiga hari lagi.

Ketua Polis Daerah Bachok Superintendan Mohd Ismail Jamaluddin berkata, penahanan reman suspek itu bermula hari ini sehingga Khamis ini.

"Reman tiga hari di Mahkamah Majistret Bachok bermula hari ini bagi membolehkan siasatan lanjut dilakukan.

"Kes disiasat mengikut Seksyen 14 Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017," katanya ketika dihubungi.

Dalam kejadian Rabu lalu, lelaki itu ditahan selepas didakwa mencabul remaja perempuan berusia 16 tahun di PPS.

Difahamkan, kedua mereka tidak mengenali antara satu sama lain dan hanya berborak ketika berada di PPS berkenaan sebelum lelaki terbabit mencabul mangsa dalam kejadian pada 11 pagi.

Sejurus kejadian itu, mangsa terus memaklumkan perkara berkenaan kepada ibunya sebelum laporan polis dibuat.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Guru mengaku tidak bersalah amang seksual fizikal murid lelaki di Muar

Alias Abd Rani
am@hmetro.com.my



MANSOR menutup muka sebaik keluar dari mahkamah untuk membayar ikat jamin. FOTO Alias Abd Rani

Muar: Guru matematik mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen di sini, hari ini atas pertuduhan melakukan amang seksual fizikal terhadap seorang murid lelaki dalam bilik guru. Ogos lalu.

Tertuduh, Mansor Ramly, 58, membuat pengakuan itu dan mohon dibicarakan sebaik pertuduhan dikemukakan jurubahasa di hadapan Hakim Mohd Khairi Haron.

Mengikut pertuduhan, tertuduh didakwa melakukan perbuatan itu dengan menyentuh alat sulit murid tahun enam berusia 12 tahun di dalam bilik guru sebuah sekolah kebangsaan di Batu Pahat, antara jam 12.20 hingga 1.20 tengah hari, 5 Ogos lalu.

Pertuduhan itu dikemukakan mengikut Seksyen 14 (a) Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak (AKKSTKK) 2017 dan dibaca bersama Seksyen 16 akta sama.

Seksyen 14 memperuntukkan hukuman penjara sehingga 20 tahun dan sebatan manakala Seksyen 16, tambahan hukuman, penjara maksimum lima tahun serta sebatan tidak kurang dua kali.

Berdasarkan laporan dibuat, mangsa dipanggil tertuduh ke bilik guru sebelum diperlakukan sedemikian.

Namun, kejadian itu hanya terbongkar selepas mangsa menceritakan perkara itu kepada guru disiplin dan diarahkan untuk membuat laporan polis.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya, Diyana Najihah Muhamed Fauzi manakala tertuduh diwakili peguam, Haresh Tamilselvan.

Susulan pengakuan tidak bersalah, pihak pendakwaan menawarkan ikat jamin RM20,000 berserta syarat tambahan.

Mahkamah kemudiannya membenarkan tertuduh dijamin sebanyak RM10,000 dan memerintihkannya melapor diri di balai polis berhampiran setiap awal bulan dan tidak boleh mengganggu saksi pendakwaan termasuk mangsa sehingga kes selesai.

Kes disebut semula pada 29 Januari depan untuk serahan dokumen.